



**KEMENTERIAN DALAM NEGERI**

PEJABAT PENAPISAN FILEM

ARAS 2, SETIA PERKASA 2, KOMPLEKS SETIA PERKASA

PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN

62546, PUTRAJAYA

Tel : 03-8886 3000

Faks: 03-8889 1685

Web : [www.moha.gov.my](http://www.moha.gov.my)

Rujukan : KDN.600-17/6/8( 10 )

Tarikh : 14 Julai 2026

**SYARIKAT PENGEDAR FILEM KECIL IKLAN**

**SYARIKAT PENERBIT FILEM KECIL IKLAN**

Tuan /Puan,

**PROSEDUR PENAPISAN FILEM KECIL IKLAN BAGI TAYANGAN DI MANA-MANA MEDIUM YANG MEMERLUKAN KELULUSAN LEMBAGA PENAPIS FILEM**

Dengan hormatnya saya diarah merujuk kepada perkara di atas.

2. Sebagaimana tuan/puan sedia maklum, di dalam Garis Panduan Penapisan Filem (GPPF) 2024 telah menetapkan beberapa perkara berkaitan dengan penapisan filem termasuklah perkara-perkara yang berkaitan dengan filem kecil iklan dan filem promosi.

3. Sehubungan itu, bagi memastikan setiap prosedur penapisan iklan dipatuhi oleh pihak tuan/puan, satu ketetapan baharu bagi filem kecil iklan dan filem promosi diperkenalkan agar setiap permohonan filem kecil iklan dan filem promosi diselaraskan dan konsisten.

4. Ketetapan baharu tersebut merupakan rangkuman prosedur (perincian di **LAMPIRAN**) yang telah ditetapkan oleh Lembaga Penapis Filem (LPF) seperti berikut:

- i. Prosedur Penapisan Iklan bagi Drama, Segmen Berita dan Siaran Langsung serta rakaman segmen berita dan rancangan siaran ulangan di stesen televisyen;
- ii. Prosedur Penapisan Iklan Bagi Aktiviti Kutipan Sumbangan Wakaf Tunai;
- iii. Prosedur Penapisan Iklan Bagi Aktiviti Kutipan Derma (Khairat);
- iv. Prosedur Penapisan Iklan Bagi Perkhidmatan Pakej Umrah dan Ziarah (Pelancongan); dan
- v. Prosedur Penapisan Iklan bagi Perkhidmatan Ibadah Korban dan Akikah.

5. Oleh yang demikian, pihak tuan/puan hendaklah memastikan setiap permohonan yang dikemukakan mematuhi sepenuhnya segala prosedur, syarat dan garis panduan rasmi yang ditetapkan oleh LPF bagi tujuan mendapatkan kelulusan LPF (Perakuan A). LPF berhak menolak mana-mana permohonan yang didapati tidak memenuhi keperluan yang ditetapkan dan permohonan tersebut tidak akan diproses. Segala bayaran yang telah dijelaskan bagi permohonan berkenaan adalah **muktamad dan tidak akan dikembalikan.**

6. Sekiranya tuan/puan mempunyai sebarang pertanyaan berhubung ketetapan baharu filem kecil iklan dan filem promosi ini, pihak tuan/puan boleh menghubungi pegawai-pegawai berikut:

Nama pegawai : Puan Zatul-Iffah binti Mustafa  
Nombor telefon : 03-88863237  
Emel : zatuliffah@moha.gov.my


Nama pegawai : Puan Fariza binti Mat Lazid  
Nombor telefon : 03-88863338  
Emel : fariza\_matlazid@moha.gov.my

Kerjasama dan perhatian pihak tuan/puan berhubung perkara ini serta mematuhi kesemua peruntukan di dalam Akta 620, GPPF 2024 serta peraturan yang berkaitan amat dihargai dan didahulukan dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

**“MALAYSIA MADANI”**  
**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,



**(BURHAN BIN MAT SUM)**

Setiausaha Bahagian  
Pejabat Penapisan Filem  
b.p. Ketua Setiausaha  
Kementerian Dalam Negeri

**s.k.**

YBhg. Datuk Dr. KSU

YBhg. Dato' TKSU(K)

Pengerusi LPF



**LAMPIRAN**

**PROSEDUR PENAPISAN IKLAN  
BAGI DRAMA, SEGMENT BERITA DAN SIARAN LANGSUNG  
SERTA RAKAMAN SEGMENT BERITA DAN RANCANGAN SIARAN ULANGAN  
DI STESAN TELEVISYEN**

1. Penapisan iklan bagi drama, segmen berita, dan rancangan siaran langsung di semua stesen televisyen adalah tertakluk kepada ketetapan berikut:

**1.1. Iklan dalam Drama**

- a) Permohonan penapisan iklan yang terkandung dalam drama hendaklah dikemukakan melalui Sistem Pengurusan Penapisan Filem (Sistem iLPF) di bawah kategori 'IKLAN' bagi durasi visual tidak melebihi dua (2) minit atau kategori 'PROMOSI' bagi durasi visual yang melebihi dua (2) minit.
- b) Tempoh pemprosesan bagi permohonan ini adalah ditetapkan selama lima (5) hari bekerja, selaras dengan tempoh pemprosesan iklan kategori lain.
- c) Keperluan dokumen sokongan adalah mandatori dan sama seperti permohonan penapisan iklan kategori lain.
- d) Sekiranya dokumen sokongan tidak disertakan dan/atau tidak lengkap, Lembaga Penapis Filem (LPF) berhak menolak atau mengarahkan perubahan dilakukan ke atas adegan, paparan, dialog dan sari kata yang berkaitan.

**1.2. Iklan dalam Segmen Berita dan Siaran Langsung**

- a) Semua stesen televisyen mestilah mengemukakan filem kecil iklan bagi segmen berita dan siaran langsung untuk ditapis oleh LPF sebelum disiarkan.
- b) Permohonan hendaklah didaftarkan di bawah kategori 'IKLAN' bagi durasi visual tidak melebihi dua (2) minit atau kategori 'PROMOSI' bagi durasi visual yang melebihi dua (2) minit.
- c) Tempoh pemprosesan bagi permohonan ini adalah ditetapkan selama lima (5) hari bekerja, selaras dengan tempoh pemprosesan iklan kategori lain.
- d) Keperluan dokumen sokongan adalah mandatori dan sama seperti permohonan penapisan iklan kategori lain.

- e) Sekiranya dokumen sokongan tidak disertakan dan/atau tidak lengkap, LPF berhak menolak atau mengarahkan perubahan dilakukan ke atas adegan, paparan, dialog dan sari kata yang berkaitan.

**1.3. Rakaman Segmen Berita dan Rancangan Siaran Ulangan**

- a) Sebarang rakaman segmen berita atau rancangan siaran langsung yang telah disiarkan dan akan diulang siar semula melalui stesen televisyen atau pawagam, hendaklah dikemukakan semula sebagai permohonan baharu.
- b) Proses ini perlu bagi memastikan iklan di dalam kandungan rancangan siaran ulangan tersebut masih relevan dan mematuhi garis panduan semasa.

**PROSEDUR PENAPISAN IKLAN  
BAGI AKTIVITI KUTIPAN SUMBANGAN WAKAF TUNAI**

1. Permohonan penapisan iklan bagi aktiviti kutipan sumbangan wakaf tunai bertujuan membiayai pembinaan masjid, surau, pusat pendidikan dan sebagainya, hendaklah dikemukakan melalui Sistem Pengurusan Penapisan Filem (Sistem iLPF) di bawah kategori 'IKLAN' bagi durasi visual tidak melebihi 2 minit atau kategori 'PROMOSI' bagi durasi visual yang melebihi 2 minit, dengan mematuhi ketetapan berikut:
  - 1.1. Dokumen sokongan yang perlu dikemukakan:
    - a) Surat kelulusan atau lantikan rasmi bagi menjalankan kutipan wakaf tunai.
    - b) Surat izin untuk tayangan umum bagi kes kelulusan terhad.
    - c) Surat pelanjutan bagi kelulusan kutipan yang telah tamat tempoh asal.
    - d) Surat pelantikan rasmi sebagai jurucakap (jika terpakai).
    - e) Surat akuan atau resit rasmi keluaran Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (FINAS).
  - 1.2. Teks statik atau rereyap (*crawler text*) hendaklah dipaparkan di bahagian bawah skrin (visual iklan) dengan mengandungi butiran berikut:
    - a) Nombor rujukan kelulusan daripada pihak berkuasa agama atau badan kawal selia yang berkaitan.
    - b) Tarikh berakhir aktiviti kutipan sumbangan wakaf tunai yang sedang dijalankan.
  - 1.3. Kegagalan mengemukakan dokumen sokongan dan/atau tidak mematuhi syarat paparan penafian (disclaimer) dalam kandungan visual iklan boleh menyebabkan permohonan ditolak oleh Lembaga Penapis Filem (LPF).

**PROSEDUR PENAPISAN IKLAN  
BAGI AKTIVITI KUTIPAN DERMA (KHAIRAT)**

1. Permohonan penapisan iklan bagi aktiviti kutipan derma (khairat) hendaklah dikemukakan melalui Sistem Pengurusan Penapisan Filem (Sistem iLPF) di bawah kategori 'IKLAN' bagi durasi visual tidak melebihi dua (2) minit, atau kategori 'PROMOSI' bagi durasi visual yang melebihi dua (2) minit, dengan mematuhi ketetapan berikut:
  - 1.1. Dokumen sokongan yang perlu dikemukakan:
    - a) Surat kelulusan atau kebenaran rasmi menjalankan kutipan derma (khairat).
    - b) Surat izin untuk tayangan umum bagi kes kelulusan terhad.
    - c) Surat pelanjutan bagi kelulusan kutipan yang telah tamat tempoh asal.
    - d) Surat pelantikan rasmi sebagai jurucakap (jika terpakai).
    - e) Surat akuan atau resit rasmi keluaran Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (FINAS).
  - 1.2. Teks statik atau rerayap (*crawler text*) hendaklah dipaparkan di bahagian bawah skrin (visual iklan) dengan mengandungi butiran berikut:
    - a) Nombor rujukan kelulusan daripada pihak berkuasa agama atau badan kawal selia yang berkaitan; dan
    - b) Tarikh berakhir aktiviti kutipan derma yang sedang dijalankan.
  - 1.3. Kegagalan mengemukakan dokumen sokongan dan/atau tidak mematuhi syarat paparan penafian (disclaimer) dalam kandungan visual iklan boleh menyebabkan permohonan ditolak oleh Lembaga Penapis Filem (LPF).

**PROSEDUR PENAPISAN IKLAN  
BAGI PERKHIDMATAN PAKEJ UMRAH DAN ZIARAH (PELANCONGAN)**

1. Permohonan penapisan iklan bagi perkhidmatan pakej umrah dan/atau ziarah, hendaklah dikemukakan melalui Sistem Pengurusan Penapisan Filem (Sistem iLPF) di bawah kategori 'IKLAN' bagi durasi visual tidak melebihi 2 minit atau kategori 'PROMOSI' bagi durasi visual yang melebihi 2 minit, dengan mematuhi ketetapan berikut:
  - 1.1. Dokumen yang perlu dikemukakan oleh Syarikat:
    - a) Kelulusan Iklan Umrah (IU) daripada Pesuruhjaya Pelancongan (MOTAC).
    - b) Surat akuan atau resit rasmi keluaran Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (FINAS).
    - c) Surat pelantikan rasmi sebagai jurucakap (jika terpakai).
  - 1.2. Teks statik atau rerayap (*crawler text*) hendaklah dipaparkan di bahagian bawah skrin (visual iklan) dengan mengandungi butiran berikut:
    - a) Nama rasmi syarikat pengendali.
    - b) Nombor lesen perniagaan MOTAC.
    - c) Nombor Kelulusan Iklan (No. IU).
  - 1.3. Kegagalan mengemukakan Sijil Kelulusan Iklan Umrah (MOTAC) dan tidak mematuhi syarat paparan penafian (disclaimer) dalam kandungan visual iklan boleh menyebabkan permohonan ditolak oleh Lembaga Penapis Filem (LPF).

**PROSEDUR PENAPISAN IKLAN  
BAGI PERKHIDMATAN IBADAH KORBAN DAN AKIKAH**

1. Permohonan penapisan iklan bagi perkhidmatan ibadah korban dan/atau akikah, hendaklah dikemukakan melalui Sistem Pengurusan Penapisan Filem (Sistem iLPF) di bawah kategori 'IKLAN' bagi durasi visual tidak melebihi 2 minit atau kategori 'PROMOSI' bagi durasi visual yang melebihi 2 minit, dengan mematuhi ketetapan berikut:

1.1. Dokumen yang perlu dikemukakan oleh Syarikat:

- a) Sijil Pendaftaran SSM (Seksyen 17).
- b) Resolusi Ahli Lembaga Pengarah yang disahkan oleh Setiausaha Syarikat.
- c) Surat pelantikan rasmi sebagai jurucakap (jika terpakai).
- d) Surat akuan atau resit rasmi keluaran Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (FINAS).

1.2. Dokumen yang perlu dikemukakan oleh NGO/Yayasan:

- a) Sijil Pendaftaran.
- b) Cabutan Minit Mesyuarat Jawatankuasa/Lembaga Pemegang Amanah yang ditandatangani bersama oleh Pengerusi dan Setiausaha.
- c) Surat pelantikan rasmi sebagai jurucakap (jika terpakai).
- d) Surat akuan atau resit rasmi keluaran Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (FINAS).

1.3. Dokumen sokongan sebagai syarat pematuhan Syariah: Pemohon perlu mengemukakan salah satu (1) daripada dua (2) dokumen berikut:

- a) Surat Sokongan (surat tiada halangan) daripada Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN) atau pihak berkuasa agama (khusus bagi ibadah korban/akikah di dalam negara); atau
- b) Sijil Patuh Syariah yang ditandatangani oleh Panel Penasihat Syariah bertauliah yang dilantik oleh Syarikat/NGO (khusus bagi ibadah korban/akikah di luar negara).



- 1.4. Teks statik atau rerayap (*crawler text*) hendaklah dipaparkan di bahagian bawah skrin (visual iklan) dengan mengandungi butiran berikut:
  - a) Nombor pendaftaran Syarikat/NGO.
  - b) Talian khidmat pelanggan Syarikat/NGO.
- 1.5. Kegagalan mengemukakan dokumen sokongan dan/atau tidak mematuhi syarat paparan penafian (disclaimer) dalam kandungan visual iklan boleh menyebabkan permohonan ditolak oleh Lembaga Penapis Filem (LPF).